



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

22,379 AHLI AKRAB SEBAGAI EJEN PENGGERAK DASAR KERAJAAN

Putrajaya, 14 Jun – Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam telah mengukir sejarahnya yang tersendiri pada hari ini apabila berjaya **menghimpunkan kira-kira 10,000 pegawai awam termasuk Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)**. Majlis perhimpunan ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri sebagai tanda sokongan padu terhadap inisiatif ini.

AKRAB sejak penubuhannya hampir dua dekad lalu, mempunyai keahlian seramai 22,379 orang yang diberi pentauliahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Berperanan sebagai ejen penggerak perubahan Kerajaan, AKRAB bertanggungjawab untuk "membentuk rakan yang membantu rakan" dalam memupuk semangat berpasukan, keharmonian dan saling menghormati.

Bertemakan "H.E.M.A.T: Menyantuni Hasrat, Membina Citra", himpunan AKRAB kali ini berfokuskan kepada membudayakan tiga (3) prinsip dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pegawai awam iaitu **MEMUDAHKAN** (*Facilitate*) urusan pemegang taruh dan pelanggan, **MENYESUAIKAN** (*Accommodate*) cara kerja selari dengan agenda kerajaan dan **MENYEGERAKAN** (*Accelerate*) pelaksanaan segala keputusan kerajaan selaras dengan nilai-nilai **H.E.M.A.T** iaitu **Hijrah Tata Kelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran**.

Dalam himpunan ini, YAB Perdana Menteri turut menyeru kepada seluruh ahli AKRAB untuk menjadi teladan kepada nilai-nilai positif tata kelola yang baik, bertindak sebagai benteng persepsi negatif, membetulkan perspektif pegawai awam terhadap dasar Kerajaan, serta menjadi sumber maklumat yang tepat bagi menyokong hasrat yang digariskan dalam Malaysia MADANI.

Pada himpunan berkenaan, YAB Perdana Menteri turut mengadakan sesi dialog bersama ahli AKRAB. Sebagai **ejen penggerak perubahan dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, AKRAB perlu terus diperkasakan** menerusi peningkatan kompetensi dengan mendalami latihan, kemahiran dan berempati menerusi pendekatan psikologi yang relevan.

Dalam majlis yang sama, YAB Perdana Menteri turut menyampaikan watakah pelantikan kepada YBrs. Encik Mohd Afendi bin Ya @ Zakaria merangkap Presiden Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) sebagai simbolik mewakili seluruh ahli AKRAB bertauliah serta melancarkan **AKRAB** sebagai **Ejen Penggerak Perubahan Perkhidmatan Awam** dalam memastikan dasar-dasar Kerajaan MADANI dapat terus dilaksanakan dengan baik dan cemerlang.

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh: 14 Jun 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (68)